

BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kaki Nek Salmah berasa _____ kerana terlalu jauh berjalan.
A lesu
B lemau
C lembik
D lenguh
- 2 _____, berani kamu memburuk-burukkan aku di hadapan rakan-rakan yang lain!
A Eh
B Oh
C Cis
D Nah

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 3 Beberapa buah _____ kepunyaan Pak Isa telah rosak akibat dipukul ribut petang semalam.
A feri
B rakit
C kapal
D sampan
- 4 Para peserta lawatan diingatkan supaya menjaga tingkah laku dan _____ sepanjang lawatan itu.
A tatacara
B tatakerja
C tatatertib
D tatabahasa

Soalan 5 dan Soalan 6

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

- 5 Tolong jangan berbuat bising di kawasan ini kerana peperiksaan sedang dijalankan.
A
Tiada kesalahan.
D
- 6 Antara program yang dirancang untuk meningkatkan prestasi calon PT3 adalah bengkel teknik menjawab soalan. Tiada kesalahan.
A
D

Soalan 7 dan Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan yang berhuruf condong dengan betulnya.**

- 7 I Baju itu sesuai dipakai oleh wanita yang bertubuh *kecil*.
II Mereka terpaksa berhimpit-himpit di dalam bilik yang *kecil* itu.
III Nenek menjalankan perusahaan *kecil* di kampung untuk menjana pendapatannya.
IV Abang menjangkakan perniagaan itu akan bertambah maju dalam jangka masa *kecil*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Kami bertolak ke kawasan pedalaman itu apabila hari sudah *segar*.
II Peristiwa yang menyedihkan itu masih *segar* dalam ingatanku.
III Sayur-mayur yang dijual di pasar malam itu masih *segar*.
IV Kami berjalan-jalan di taman bunga sambil menghirup udara *segar*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 dan Soalan 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.**

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika **tiada kesalahan.**

- 9 Adakah pendapat anda tentang program Masyarakat Penyayang yang telah dilancarkan oleh kerajaan?
A Bagaimanakah dapatan anda
B Manakah dapatan anda
C Apakah pendapat anda
D Adakah pendapat anda

10 Perniagaan itu didenda kerana tidak meletakkan tanda harga pada barang jualannya.

- A Peniaga itu denda
- B Peniaga itu didenda
- C Itu perniagaan didenda
- D Perniagaan itu didenda

Soalan 11 dan Soalan 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 11 I Farhan pun tampil ke pentas untuk menerima hadiah dari pengetua sekolah.
- II Pokok kelapa yang surut ke arah kandang lembu itu telah ditebang oleh ayah.
- III Syafik menuntun orang tua yang kelainan upaya itu ketika melintas jalan raya.
- IV Pembantu kedai itu memikul tong gas untuk dihantar ke rumah Puan Sofia.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

- 12 I Selain kamu, siapakah lagi yang disoal siasat oleh guru disiplin?
- II Amiza menoleh ke kiri dan ke kanan sebelum melintas jalan raya.
- III Sedangkan dia yang pandai pun boleh gagal jangankan kita.
- IV Dia menerima daripada sahabat lamanya e-mel pagi tadi.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

13 Semua hadiah bagi cabutan bertuah telah disampaikan oleh pengetua sekolah sebelum majlis tersebut berakhir.

- A Pengetua sekolah telah menyampaikan semua cabutan bertuah sebelum majlis tersebut berakhir.
- B Pengetua sekolah telah menyampaikan semua hadiah tersebut sebelum majlis cabutan bertuah berakhir.
- C Pengetua sekolah telah menyampaikan semua hadiah bagi cabutan bertuah sebelum majlis tersebut berakhir.
- D Sebelum majlis cabutan bertuah berakhir, semua hadiah kepada pengetua sekolah tersebut telah disampaikan.

Soalan 14 dan Soalan 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14 Rajin-rajinlah mengikuti perkembangan semasa dunia supaya kamu tidak digelar

- A seperti ular kena palu.
- B bagai kacang lupakan kulit.
- C bagai telur di hujung tanduk.
- D seperti katak di bawah tempurung.

15 Syakira tidak kekok untuk menyesuaikan diri dengan peraturan dan adat di tempat baharu itu. Peribahasa yang sesuai dengan sikap Syakira ialah

- A ada air, adalah ikan.
- B air beriak tanda tak dalam.
- C di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
- D ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Orang jual ikan dah tiga hari tak datang. Mamak jual roti pun tak boleh masuk kampung. Mak tak ada makanan. Banjir dah sampai ke paras dada ..."

Belum sempat saya berkata apa-apa, suara di hujung sana terus mencurahkan isi hati yang terpendam. Pada ruang jeda tanpa suara rintihannya, mungkin dia sedang menarik nafas yang tersumbat akibat kalut meluahkan bicara, saya menyelit soal.

"Dah tu, macam mana?"

Dia memanggil saya dengan nama yang tidak tercatat pada kad pengenalan, tidak juga nama timangan sejak dilahirkan. Siapakah empunya suara tua yang rusuh di hujung talian sana? Seperti saya yang terburu-buru mendail nombor rumah teman yang baru diberikan pagi tadi, suara tua itu juga pantas mengatur kata, selaju jejari saya salah menekan nombor rumahnya. Selepas menyampaikan kisah yang sesetengahnya tidak saya fahami, suara tua itu menamatkan pengisahan dengan penghargaan dan pesanan.

"Terima kasihlah. Nana telefon juga, tanya khabar mak. Abang kau tu, duduk saja dekat tapi tak menjenguk langsung....tak hirau keadaan mak dalam banjir ni. Kirim salam pada suami dan anak-anak kau."

Tanpa sempat saya membetulkan tanggapan, suara itu putus dalam hujan yang sudah empat hari empat malam lebat dan renyai menyilih ganti. Radio dan televisyen menambahkan kekerapan siaran berita terkini. Aktiviti laut wajib ditangguhkan dan bekalan ikan di pasar berhampiran dengan rumah saya melambungkan harga ke paras menakjubkan. Ada jiran yang menghidap darah tinggi telah merungut sakit kepala kerana menu harian mereka bukan lagi ikan basah, tetapi ikan kering.

(Dipetik daripada cerpen *Banjir di Mata Emak*, dalam antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, KPM)

1 Apakah masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung semasa dilanda banjir?

- A Berlaku pencatutan bekalan air bersih
- B Binatang berbisa seperti ular dan lipan mula masuk ke rumah
- C Terpaksa membersihkan lumpur yang sudah mula menebal di halaman rumah
- D Jiran menghidap penyakit darah tinggi kerana terpaksa makan ikan kering

2 Berikut merupakan watak 'mak' seperti digambarkan dalam cerpen ini, **kecuali**

- A seorang yang setia.
- B seorang yang prihatin.
- C seorang yang penyayang.
- D seorang yang bertimbang rasa.

3 Apakah harapan 'mak' terhadap abang ketika rumahnya dilanda banjir seperti yang digambarkan dalam petikan cerpen ini?

- A 'Mak' mengharapkan abang membelikan makanan untuknya
- B 'Mak' mengharapkan abang datang membantunya semasa banjir
- C 'Mak' mengharapkan abang membawanya balik ke rumahnya
- D 'Mak' mengharapkan abang menelefonnya setiap hari

Belum sempat saya berkata apa-apa, suara di hujung sana terus mencurahkan isi hati yang terpendam. Pada ruang jeda tanpa suara rintihannya, mungkin dia sedang menarik nafas yang tersumbat akibat kalut meluahkan bicara, saya menyelit soal.

4 Berikut merupakan nilai-nilai yang dapat dikaitkan dengan petikan di atas, **kecuali**

- A simpati.
- B keberanian.
- C kasih sayang.
- D keprihatinan.

5 Apakah kesudahan cerpen *Banjir di Mata Emak*?

- A 'Saya' mencari alamat rumah 'Mak' berdasarkan buku panduan telefon
- B 'Mak' meninggal dunia akibat terjatuh ketika membersihkan rumahnya selepas banjir surut
- C Nana mengakui kesilapannya yang telah mengabaikan ibunya selepas berkahwin
- D 'Saya' makan bersama-sama 'mak' yang terharu atas layanan yang telah 'saya' berikan

